**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 06 DISEMBER 2017 (RABU)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Berita Harian** | |
| - Longkang runtuh ancam penduduk | 15 |
| **Chinapress** | |
| - Ampang Jaya: Tiada kawasan HotSpot tanah runtuh | C3 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR<br>06 DISEMBER 2017 (RABU)** | |
|---|---|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Longkang runtuh ancam penduduk |
| Muka Surat | 15 |



**ADUAN PEMBACA**
Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke **bhnews@bh.com.my**

# HALAMAN KOTA

**Reaksi**



"Saya akan menghantar surat aduan kepada MPAJ minggu ini agar mereka ambil tindakan segera"

***Ben Liew Pok Boon,***
*Setiausaha Parti Gerakan Bahagian Pandan*



"Penduduk ada membuat aduan untuk membuang tunggul berkenaan, namun sudah lapan tahun tiada tindakan"

***Alex Lee Chee Seng,***
*Penduduk*



"Kami terpaksa membersihkan kekotoran yang dibawa air berkenaan. Kami juga dihantui bau busuk longkang itu"

***Ng Cheeng Geok,***
*Penduduk*

[ FOTO HAFIZ SOHAIMI/BH ]



***Keadaan longkang runtuh dan tersumbat** di Jalan Indah 10, Taman Cheras Indah yang sudah berlarutan hampir lapan tahun.*

**Fakta nombor**

**10 UNIT**
rumah terjejas setiap kali hujan lebat

# Longkang runtuh ancam penduduk

MPAJ digesa segera baiki kerosakan dilapor sejak 8 tahun lalu

**Oleh Mohd Fharkhan Abdul Ghapar**
bhnews@bh.com.my

**Cheras**

Lebih 30 penduduk yang tinggal di sepanjang Jalan Indah 10, Taman Cheras Indah, di sini, berdepan masalah tanah mendap dan limpahan air longkang setiap kali hujan lebat sejak lapan tahun lalu berikutan masalah struktur longkang runtuh.

Penduduk mendakwa, akar beberapa pokok besar di situ menyebabkan dinding longkang berkenaan pecah dan runtuh, sekali gus menyekat aliran air.

Tinjauan *Halaman Kota BH* mendapati keadaan laluan air yang sempit juga menyebabkan air longkang bertakung dan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Penduduk mendakwa, sudah lapan tahun mereka mengadu masalah itu kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) tetapi sehingga kini tiada tindakan diambil pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

**Bau busuk longkang**

Penduduk, Ng Cheeng Geok, 57, yang sudah lebih 10 tahun menetap di situ, mendakwa setiap kali hujan lebat, limpahan air longkang itu akan membanjiri bahagian hadapan rumahnya dan jiran.

"Kami terpaksa membersihkan kekotoran yang dibawa air berkenaan. Kami juga dihantui bau busuk longkang itu.

"Kawasan tanah di bahu jalan pula semakin lembik akibat mendapan. Kami bimbang ia akan merosakkan kenderaan penduduk yang diletakkan di situ," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Ng berkata, beberapa tahun lalu MPAJ ada melaksanakan projek naik taraf dan menurap jalan di taman itu tetapi tidak membaik pulih longkang berkenaan.

Sementara itu, Alex Lee Chee Seng, 35, berkata lapan tahun lalu petugas MPAJ ada datang menebang sebatang pokok di situ tetapi tunggulnya tidak digali dan terbiar hingga kini.

"Mereka (MPAJ) menebang pokok, namun tunggulnya dibiarkan sahaja. Akar pokok masih hidup dan terus menjalar menyebabkan tebing longkang runtuh.

"Penduduk ada membuat aduan untuk membuang tunggul berkenaan, namun sudah lapan tahun tiada tindakan," katanya.

Setiap kali hujan lebat, limpahan longkang berkenaan akan menjejaskan hampir 10 unit rumah yang berada berhampiran longkang terbabit.

Keadaan longkang berlubang sedalam satu meter turut mengundang kehadiran haiwan perosak dan berbisa yang mengancam keselamatan penduduk terutama kanak-kanak yang bermain di padang bola berhampiran.

**Baik pulih kawasan**

Sementara itu, Setiausaha Parti Gerakan Bahagian Pandan, Ben Liew Pok Boon, yang turut membuat lawatan ke situ, berkata MPAJ perlu membaik pulih di kawasan berkenaan dengan segera.

"MPAJ perlu peka dengan aduan penduduk dan jalankan kerja baik pulih segera. Kutip cukai pintu setiap tahun, namun perkhidmatan mereka kepada rakyat tidak setimpal.

"Saya akan menghantar surat aduan kepada MPAJ minggu ini agar mereka ambil tindakan segera." katanya.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| | |
|---|---|
| **KERATAN AKHBAR 06 DISEMBER 2017 (RABU)** | |
| Akhbar | Chinapress |
| Tajuk Berita | Ampang Jaya: Tiada kawasan HotSpot tanah runtuh |
| Muka Surat | C3 |



大城事



■阿都哈密（左3）代表市议会和博特拉大学代表签署理解备忘录，在各方面展开合作和资源共享。左起为马特亚、哈山哈芝阿里、哈斯洛尼占及罗斯丽扎。

## 市會：僅樹倒牆身剝落

# 安邦再也沒土崩黑區

（安邦再也5日讯）安邦再也市议会主席阿都哈密指出，尽管有12个山坡被列为出现树倒、石头崩落情况，但安邦再也市内并没有任何山坡被列为土崩高风险区。

他指出，市内目前共有逾600个登记山坡，其中12个山坡因10至11月期间大雨不断而出现小问题，如树倒和墙身剥落，这些都属于正常现象。

他说，市议会已拨款50万令吉为上述山坡进行修复及检查，目前也已发出相关通告给私人业主。

### 派人到山坡勘察

“我们也有派遣人员到不同的山坡勘察，尽可能解决可能引发土崩的祸根，避免山坡发生土崩。”

他说，希望不要再持续发生连日大雨不断的情况，以确保不会有山坡发生土崩。

他今在出席市议会举办的创新欣赏开幕仪式暨常月集会后，对记者这么指出。

安邦再也市议会为配合在创新欣赏开幕仪式上和博特拉大学（UPM）签署长达5年的理解备忘录，在各方面展开合作和资源共享。

出席者有博特拉大学设计和建筑系教授马特亚、哈山哈芝阿里、安邦再也市议会秘书哈斯洛尼占及策划局主任罗斯丽扎。